

Pertahan perpaduan depan cabaran politik, ekonomi negara



Oleh Profesor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin
bhrenanca@bh.com.my

Yang di-Pertuan Agong ketika meraikan Sesi Penggal Kelima, Persidangan Parlimen Ke-14, semalam menyampaikan suatu tiba mentafsir dengan cermat dan jelas maksud ‘holistik’, suatu perkataan sering digunakan dalam politik, ekonomi dan kesi- hatan. Dalam setiap tema itu baginda jelas kepada rakyat kebanyakannya.

Baginda menyentuh tiga tema bersar, iaitu politik, ekonomi dan kesi- hatan. Dalam setiap tema itu baginda menghalusi kandungan setiap satu dari segi undang-undang, dasar, pe- laksanaan dan pemantauan.

Matlamat akhir semua ini adalah untuk mendirikan kesejahteraan da- lam kalangan semua lapisan rakyat jelata daripada yang berada hingga yang miskin.

Dari segi politik baginda menyentuh wujudnya ‘politik dwiparti’ dalam pemerintahan kerajaan melalui memorandum persefahaman (MoU) yang di- meterai pada 13 November 2021 berkait dengan transformasi dan kestabilan politik. Perkara ini se- suatu berasal dari dalam proses politik di negara ini. Walaupun pelaksanaan MoU dikatakan belum memuaskan, semua pihak terbabit dalam MoU me- lihat kewujudannya menjadi tanda aras politik dan pemerintahan Malaysia semasa.

Dari segi ekonomi, titah Yang di-Pertuan Agong menyentuh isu ekonomi makro (yang berskala be- sar membabitkan wilayah, nasional, rantau malah global) dan ekonomi mikro (yang khusus berskala kecil, iaitu individu, isi rumah dan syarikat). Kedua-dua aspek ekonomi ini mengakibatkan per- merhatian terhadap perilaku ekonomi jangka pan- jang, sederhana dan pendek. Semua disentuh dalam titah Yang di-Pertuan Agong.

Dari segi kesihatan, titah Yang di-Pertuan Agong terus memfokuskan impak COVID-19 dan tindakan menghindari pandemik ini yang dilaksana, khususnya melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang diatur mengikut fasa satu hingga empat, iaitu sehingga mencapai ke tahap endemik.

Dalam konteks kesihatan, baginda menekankan dengan jelas bahawa perlunya pendekatan holistik yang mampam apabila berhadapan dengan masalah besar ini.

Menurut tafsiran baginda, wujud kaitan rapat lagi bertindau lapis antara ekonomi, politik dan kesihatan yang harus ditangani serentak, bukan terpisah-pisah.

Menurut baginda, akhirnya pendekatan holistik ini bergantung kepada ‘keterjaringan’, lapisan ja- ringan dan usaha jaringan yang hidup berfungsi antara semua komponen proses sosial, pada paras individu, keluarga dan komuniti.

‘Keterjaringan’ atau holistik, inilah yang menjadikan penekanan baginda dalam titahnya apabila ba- sinda menyentuh cabaran ekonomi untuk M40 dan B40, termasuk soal kemiskinan, tempat kediaman yang dari, pendapatan, pengangguran rakyat serta graduan dan kemudahan infrastruktur.

Rantaian bekalan (*supply chain*) juga baginda sentuh apabila membincangkan usahawan kecil dan sederhana, bukan hanya bekalan barangan te- longan ini.

Pelaburan asing dan domestik mengerakkan pertumbuhan ekonomi negara menjadi fokus penting mengenai fenomena ‘keterjaringan’ baginda kerana limpahan daripada pelaburan ini bukan hanya memberikan peluang pekerjaan bertambah bahkan juga meningkatkan permintaan dan perdagangan antarabangsa dan domestik.

Limpahan daripada pelaburan ini, seperti dalam industri agro, juga menyentuh penyelesaian ma- salah keselamatan makanan (*food security*), dari

segi bekalan, membabitkan sektor pesawah padi dan tanaman kontan dalam bentuk sokongan moral dan modal, dagangan serta pasaran untuk mereka.

Pasar tanu di tengah-tengah kehidupan kita hari ini adalah titik pertemuan ‘keterjaringan’ yang di- maksud oleh titah Yang di-Pertuan Agong.

Usaha besar-besaran kerajaan dalam bidang pen- pertumbuhan ekonomi negara menjadi satu lagi pemboleh daya (*enabler*) yang menrealisasikan ‘keterjari- ngan’, pendekatan ‘holistik’ yang baginda sebut berkali-kali. Wujudnya jaringan digital membolehkan pemandu dilaksana dengan tepat dan segera.

Baginda juga tidak lupa akan perlunya ‘Keluarga Malaysia’ bukan hanya sebagai satu keyakinan mengikat dan dipraktikkkan sebagai satu slogan tetapi menjaringkan rakyat Malaysia daripada individu ke keluarga dan ke komuniti seperti dirakamkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

La rancangan jangka sederhana yang pula di- dukung peruntukan bajet tahunan, sebagai ren- dirangkum dalam rancangan jangka panjang se- perti Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

Di penghujung titahnya, baginda terus menekankan, seperti dalam dalam setiap titahnya di Par- limen dan luar Parlimen sejak dimobatkan sebagai Yang di-Pertuan Agong mengenai perlunya perpa- duan nasional terus dibina, diberi, dipupuk serta dipertebatkan kerana segala-galanya di Malaysia ber- gantung kepada keadaan serta ketahanan per- duan nasional.

Keterjaringan akan terus kekal dan mampam ka- lau perpaduan nasional dijaga rapi. Yang di-Pertuan Agong menyentuh Pelan Tindakan Perpaduan Na- sional 2021-2030 yang kini dilaksana membabitkan peringkat atasan hingga ke komuniti akar umbi. Menurut baginda, semua komponen dalam ‘ke- terjaringan’ ini perlu senantiasa dipantau, secara rasmi atau kendiri. Melaluiinya Malaysia akan terus menikmati kejayaan dan kesejahteraan.



Perpaduan nasional perlu sentiasa dibina dan dipupuk bagi memastikan rakyat dapat terus menikmati kejayaan dan kesejahteraan pada masa depan. (Foto hiasan)